

Jadilah insan sentiasa dahagakan ilmu - Raja Perlis

UM/19-03-14/30/1/0/PS

ARAU 18 Mac - Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail menasihati graduan di negara ini supaya menjadi insan yang sentiasa dahagakan ilmu pengetahuan dengan mendalami bidang-bidang diceburi seiring perkembangan semasa untuk menjadikan mereka sentiasa relevan pada sepanjang zaman.

Sehubungan itu, titah baginda, graduan jangan merasa selesai dengan diploma serta kejayaan yang telah diperolehi, malah mereka perlu terus menuntut ilmu sehingga ke peringkat tertinggi.

“Dalam keadaan dunia yang semakin mencabar, perkembangan rohani dan jasmani perlu diseimbangkan seperti mana yang disarankan oleh agama Islam bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian, kemakmuran masyarakat dan negara,” titah baginda.

Baginda bertitah demikian pada Majlis Konvokesyen Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) ke-8 yang berlangsung di Dewan Harumanis PTSS, Pauh Putra, di sini hari ini.

Berangkat hadir, Raja Perempuan Perlis, Tuanku Tengku Fauziah Tengku Abdul Rashid, Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.

Turut hadir, Menteri Besar, Azlan Man, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia, Datuk Mohlis Jaafar dan Pengarah PTSS, Md. Noor Baharom.



TUANKU Syed Sirajuddin Putra Jamalullail berkenan menyampaikan Anugerah Diraja kepada pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Nabil Harith Mohd. Najib pada istiadat Konvokesyen Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) ke-8 di Dewan Harumanis, Arau, Perlis semalam. - BERNAMA

Graduan jangan merasa selesai dengan diploma serta kejayaan yang telah diperolehi, malah mereka perlu terus menuntut ilmu sehingga ke peringkat tertinggi

TUANKU SYED SIRAJUDDIN PUTRA JAMALULLAIL
Raja Perlis

Selain itu, titah Tuanku Syed Sirajuddin, kemahiran *soft skills* penting dalam pembinaan sahsiah graduan supaya mereka menjadi profesional yang holistik.

“Sesungguhnya graduan berkualiti mampu melahirkan generasi yang boleh menjadi *global player* dengan ciri-ciri peribadi unggul seperti jati diri tinggi, inovatif, produktif, berkemahiran, berdaya saing dan kreatif bagi menangani cabaran negara dan arus dunia tanpa sempadan hari ini.

“Di samping itu, dunia telah menyaksikan dan sejarah telah membuktikan kelemahan di dalam konteks intelektual akan menyebabkan sesuatu bangsa dan ummah dipandang rendah,” titah baginda.

Baginda turut menyentuh tentang graduan yang perlu bersedia untuk bersaing dalam arena global bagi memenuhi tuntutan semasa kerana ia memerlukan kemahiran dalam menggapai kecemerlangan dan kejayaan.